



SIARAN AKHBAR

BILIF ADAKAN JERAYAWARA DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Rabu, 23 Ramadhan 1442 bersamaan dengan 5 Mei 2021

1. Brunei Institute for Leadership and Islamic Finance (BILIF) telah mengadakan jerayawara bagi pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwat Ugama (KHEU) baru-baru ini bertempat di Dewan Melor, KHEU.
2. Jerayawara tersebut telah dimulakan dengan pengenalan mengenai BILIF diikuti dengan sebuah taklimat mengenai program “Islamic Financial Planning (IFP) 101: Managing Your Finance with Islamic Practices ” yang ditawarkan oleh BILIF. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Awang Haji Shamsul bin Haji Muhammad, Pengurus Am, Insurans Islam Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Family Takaful Sendirian Berhad.
3. Topik-topik yang dibincangkan, antaranya, adalah Pengenalan Perancangan Kewangan Islam, Pengurusan Tunai & Hutang, Perancangan Zakat, dan Perancangan Persaraan.
4. Jerayawara ini adalah sebahagian daripada siri jerayawara BILIF yang akan diadakan dari bulan April hingga September tahun ini. Siri jerayawara ini bertujuan untuk memberigakan penjenamaan BILIF dan juga memperkenalkan program-program latihan dan acara BILIF yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia, bukan sahaja di dalam industri kewangan, malahan juga di sektor awam dan swasta.
5. Ditubuhkan pada tahun 2010, BILIF, yang sebelum ini dikenali sebagai Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), merupakan sebuah institusi latihan di bawah bidang kuasa Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) yang menawarkan program pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi serta menganjurkan seminar signature dan acara kolaborasi dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di www.bilif.com.bn dan akaun Instagram @BILIF.bn.

Date: 24 Ramadhan 1442/ 06 May 2020